

16 JAN 1997

Anugerah-IKIM

ANUGERAH RAJA FAISAL: SATU PENGHORMATAN KEPADA DR M

KUALA LUMPUR, 16 Jan (Bernama) -- Pemilihan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai penerima Anugerah Antarabangsa Raja Faisal 1997 merupakan satu penghormatan berdasarkan sumbangannya kepada pembangunan Islam di peringkat negara dan antarabangsa.

Menurut Ketua Pengarah Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) Datuk Dr Ismail Ibrahim, pemilihan itu juga bertepatan dan sesuai dengan wawasan serta pelaksanaan dasar-dasar pembangunan Islam di Malaysia yang diterajuinya.

"IKIM merasa amat bangga di atas pemilihan Perdana Menteri sebagai penerima anugerah Raja Faisal dalam bidang perkhidmatan Islam," katanya dalam satu kenyataan di sini.

Semalam, Dr Mahathir, yang kini berada di Los Angeles, Amerika Syarikat dimaklumkan mengenai pemilihan itu oleh Setiausaha Agung Yayasan Raja Faisal, Putera Bandar Saud Khaled Al Saud.

Perdana Menteri yang memenangi satu daripada lima kategori anugerah itu, iaitu "Perkhidmatan kepada Islam" akan menerima sijil, pingat emas dan wang berjumlah RM455,000 pada upacara penyampaian Mac depan.

Ismail berkata, pembangunan Islam di Malaysia dijalankan secara sistematik dengan pendekatan yang dinamik dan sederhana, sesuai dengan pembangunan ilmu pengetahuan, sains, teknologi dan ekonomi.

Ini menggambarkan Islam sebagai satu cara hidup yang lengkap dan tidak bercanggah dengan pembangunan dan perubahan moden berasaskan kepada nilai-nilai universal Islam sendiri, katanya. -- BERNAMA

RAZ AKD